

**Elemen Seni Bina dan Unsur Reka Bentuk Bangunan dalam Perkembangan Institusi Pendidikan Islam**  
*(Architectural Elements and Building Design Aspects in the Development of Islamic Educational Institutions)*

Siti Khadijah Hashim \* & Alice Sabrina Ismail\*\*

**Abstrak**

Fokus makalah ini lebih kepada pengenalanpastian dan pemahaman atribut nilai pendidikan Islam dengan menyelami definisi dan intipati falsafahnya. Objektif kajian ini adalah untuk memperlihatkan falsafah nilai pendidikan Islam berpotensi dikenalpasti melalui elemen seni bina dan unsur reka bentuk bangunan, bertumpu kepada institusi pendidikan Islam. Skop perbincangan kajian bertumpu kepada atribut nilai pendidikan Islam yang memaparkan aspek syumul, kamil, adil dan sejagat di mana nilai-nilai ini saling melengkapi dan komprehensif. Seiringan ini, atribut falsafah nilai pendidikan Islam yang dikenalpasti turut berpotensi diserap sebagai pemikiran rangka kerja reka bentuk dan seni bina sesebuah bangunan institusi pendidikan Islam kerana bukan sahaja mengangkat cara hidup berlandaskan Al-Quran dan Sunnah malah turut bergerak seiring dengan falsafah seni bina dalam menghasilkan reka bentuk yang mesra alam dan manusia. Kajian ini mengadaptasi kaedah kualitatif dengan menganalisis, menghurai dan mengupas penulisan-penulisan para sarjana dan ahli akademik dalam menghimpunkan perkaitan falsafah nilai pendidikan Islam dengan elemen seni bina dan unsur reka bentuk bangunan di bawah paradigma interpretivisme dengan strategi *explanation-building* dan teori sosio-semiotik. Segala analisis yang telah dilaksanakan seterusnya mengarah kepada perbincangan yang tersusun dan informatif berdasarkan disiplin kitaran hermeneutik. Akhir sekali, penulisan makalah ini akan mengunjurkan kesimpulan bahawa rangka kerja reka bentuk dan seni bina bangunan institusi pendidikan Islam memainkan peranan bukan sahaja sebagai sebuah simbol nilai pendidikan Islam, malah sebagai salah sebuah komponen signifikan yang berpotensi sebagai garis panduan falsafah seni bina Islam sekali gus mengukuhkan identiti bangunan yang menonjolkan intipati falsafah nilai-nilai terbabit melalui elemen seni bina dan unsur reka bentuk bangunan institusi pendidikan Islam.

**Kata kunci:** Nilai pendidikan Islam, seni bina, reka bentuk bangunan, institusi pendidikan Islam, falsafah, teori

**Abstract**

*This paper is focusing on identifying and understanding the attributes of Islamic educational values by delving into the definition and essence of their philosophy. The objective of this study is to portray that the philosophy of Islamic educational values has the potential to be identified through architectural elements and building design aspects, which in this study will be concentrating on Islamic educational institutions. The scope of the study will be centering on the value of syumul (comprehensive), kamil (ideal), adil (equitability) and sejagat (universality) where these attributes complement with one another. Furthermore, the identified values have been evaluated in showing significant potential to be referred as architectural design framework in designing Islamic educational building institutions as it is not only upholding the teachings of Al-Quran and Sunnah, but also moves in line with the philosophy of architecture in producing design of built environment that are friendly to the environment and people. Besides that, this study adapts a qualitative method by analyzing, explaining and examining scholars' and academics' paper to find out the relationship between the philosophy of Islamic educational values with the architectural elements and building design aspects under the interpretivisme paradigm with the explanation-building strategy and socio-semiotic theory. Subsequently, the analysed findings lead towards structured and informative discussion based on the discipline of the hermeneutic cycle. Last but not least, this paper will project a conclusion on architectural design framework of Islamic educational institutions not only act as a symbol of Islamic educational values, but also plays vital components to be a guideline in amplifying the philosophy of Islamic architecture, thus strengthening*

\* Siti Khadijah binti Hashim, Postgraduate Student, Department of Architecture, Faculty of Built Environment and Surveying, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, Malaysia. Email: khadijah.hmn@gmail.com.

\*\* Alice Sabrina binti Ismail (corresponding author), Associate Professor, Department of Architecture, Faculty of Built Environment and Surveying, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, Malaysia. Email: b-alice@utm.my.

**Keywords:** *Islamic educational values, architecture, building design, Islamic educational institutions, philosophy, theory*

## **Pengenalan**

Wawasan pendidikan dalam Islam berkait rapat dengan mekanisme yang mengutamakan elemen keinsanan, persaudaraan, keadilan dan kebebasan yang seterusnya memangkin transformasi nilai, sosial, budaya, politik dan ekonomi umat Islam.<sup>1</sup> Seterusnya penyebaran wawasan pendidikan Islam memaparkan nilai pendidikan Islam amat penting dalam mendidik dan melatih akal, jasmani rohani serta emosi manusia kerana nilai membabitkan pertimbangan sesebuah pihak dalam menentukan sesuatu perkara sepanjang menjalani kehidupan berdasarkan Al-Quran dan Sunnah.<sup>2</sup> Di samping itu, Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1995) menjelaskan konsep nilai berkait rapat dalam pembentukan keperibadian mulia, beretika dan bermoral seiring dengan seruan penuntutan ilmu yakni amat dititikberatkan dalam agama Islam. Penuntutan ilmu ini diwajibkan bagi setiap penganut agama Islam tanpa mengira jantina dan latar belakang mengikut syariat Al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW seperti petikan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan disahihkan oleh Syaikh Albani dalam Shahih wa Dha'if Sunan Ibnu Majah No.224:

طلب العلم فريضة على كل مسلم  
“Menuntut ilmu adalah kewajiban bagi setiap individu Muslim.”

Sehubungan dengan itu, nilai pendidikan Islam yang utama menurut catatan Ab. Aziz Yusof (2014) yang turut disokong oleh Moch. Aderi Che Noh, Asmawati Suhid dan Zamri Abdul Rahim (2018) berpotensi menonjolkan imej pendidikan Islam yang komprehensif adalah berpaksikan nilai-nilai seperti syumul, kamil, adil dan sejagat. Maka, institusi pendidikan Islam bertanggungjawab dalam memaparkan imej nilai-nilai pendidikan Islam terbabit kerana memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk membangunkan transformasi ummah ke arah kecemerlangan.<sup>3</sup> Nilai-nilai pendidikan Islam berkisarkan penekanan terhadap keseluruhan aspek perhubungan dan perkembangan konsep etika fizikal dan spiritual seseorang individu dengan Allah S.W.T., manusia dan juga alam.<sup>4</sup> Lantaran itu, pengaruh nilai-nilai terbabit adalah signifikan dalam menghasilkan teori perancangan seni bina dan reka bentuk bangunan yang mesra manusia. Hal ini demikian kerana persekitaran alam bina menurut Al-Quran tidak terhad kepada manifestasi kepada pembinaan fizikal sahaja, malah turut merangkumi sistem panduan menyeluruh kepada manusia untuk melaksanakan misi menyebarkan nilai, moral serta prinsip sebagai khalifah di muka bumi ini.<sup>5</sup> Tambahan pula, isu dan teori yang dinyatakan berlandaskan ideologi reka bentuk institusi pendidikan Islam seharusnya mempamerkan imej pendidikan Islam dengan turut mempromosikan seni bina Islam yang disulami dengan nilai kesatuan dan kepelbagaian di mana reka bentuknya haruslah dipengaruhi oleh prinsip agama serta persekitaran dan budaya setempat.<sup>6</sup> Lantaran itu, pengekstrakan intipati aspek nilai-nilai terbabit serta perkaitannya dengan elemen seni bina dan unsur reka bentuk bangunan institusi pendidikan Islam terbina dilihat berpotensi untuk dianalisis dan disintesis dalam mengetengahkan seni bina Islam yang telah dinyatakan. Maka hasil pembentukan teori perbincangan ini membawa kepada penambahan kesusasteraan seni bina Islam yang berpotensi digunakan sebagai panduan dalam dasar perancangan reka bentuk institusi pendidikan.

<sup>1</sup> Ab. Aziz Yusof, *Pengurusan Pendidikan Islam: Mekanisme Transformasi Ummah* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 4-5.

<sup>2</sup> Ismail Abas, “Analisis Kemahiran Berfikir dalam Pendidikan Islam,” *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 24 (2023): 55-56.


<sup>3</sup> Yusof, *Pengurusan Pendidikan Islam*, 12.

<sup>4</sup> Aulia Rakhmat, “Religion and Reason in Contemporary Islamic Ethics: A Comparative Study of Syed Muhammad Naquib al-Attas and Taha Abderrahmane Thought,” *Journal of Islamic Thought and Civilization* 13, no. 2 (2023): 137-139.

<sup>5</sup> Arshad Islam dan Ruqaiya Taha Al-Iwani, “Norms of Rise and Fall of Civilizations in the Qur’an: Beneficial Knowledge and Justice as a Model,” *Al-Shajarah: Journal of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 28, no. 1 (2023): 31.

<sup>6</sup> Hafsa Al Omari dan Raed Salim Ahmed Al-Nuamman, “Variation of Styles in Islamic Architecture and Effects on the Changing of the Spatial Configuration of Madrasat Buildings,” *Al-Rafdain Engineering Journal* 21, no. 3 (2013): 36.

**Rajah 1: Carta Atribut Falsafah Nilai Pendidikan Islam<sup>7</sup>**



## Metodologi

Kertas kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui penyelidikan ke atas bahan wacana para sarjana dan akademik yang membincangkan intipati atribut falsafah nilai-nilai pendidikan Islam. Segala analisis yang dilaksanakan dikenali pasti perkaitan intipatinya dengan elemen seni bina dan unsur reka bentuk bangunan terutama terhadap institusi bangunan pendidikan Islam di bawah paradigma kajian interpretivisme dengan menggunakan strategi *explanation-building* berdasarkan pendekatan bentuk penulisan naratif.<sup>8</sup> Pendekatan ini lebih terarah kepada menyusun dan menghimpunkan segala analisis yang lebih fokus dan tetap.<sup>9</sup> Maka pendekatan ini diaplikasi untuk menghuraikan atribut nilai pendidikan Islam di samping penggunaan teori sosio-semiotik untuk menghubungkan terjemahan nilai-nilai terbabit dalam konteks seni bina dan reka bentuk bangunan. Segala perbincangan dan perhubungkaitan yang telah diperoleh akan disusun dan diperkemas di bawah disiplin lingkungan hermeneutik di mana disiplin kitaran ini menerangkan peranan teks atau wacana berfungsi sebagai sebuah medium komunikasi dalam menyebarkan buah fikiran, idea mahupun mesej berdasarkan pendirian pengkaji.<sup>10</sup> Hal ini demikian kerana konteks penulisan kajian ini bertumpu kepada penghayatan falsafah nilai pendidikan Islam dan terjemahan pengaruhnya terhadap pemikiran seni bina yang berpotensi membentuk identiti institusi pendidikan Islam melalui elemen seni bina dan unsur reka bentuk bangunannya.

## Peranan Falsafah Nilai Pendidikan Islam dalam Rangka Kerja Seni Bina Bangunan Institusi Pendidikan Islam

Islam merupakan agama yang komprehensif, jelas dan serba lengkap dalam kehidupan manusia dengan mengangkat kepentingan bidang pendidikan yang menjana disiplin pemikiran falsafah dan hikmah transformasi ummah.<sup>11</sup> Hal ini seterusnya mewujudkan potensi penghayatan terhadap falsafah nilai-nilai pendidikan Islam melalui terjemahan secara tidak ketara melalui reka bentuk bangunan seperti madrasah, musollah, masjid komuniti serta masjid negeri yang sinonim sebagai institusi pusat pendidikan Islam dalam kalangan komuniti Muslim.<sup>12</sup> Proses penerapan falsafah nilai pendidikan Islam merupakan sebuah transformasi yang signifikan dalam kelengkapan pendidikan seseorang individu Muslim daripada aspek kerohanian, fizikal mahupun persekitaran sekeliling.<sup>13</sup> Justeru, asas kepercayaan dan kebergantungan kepada nilai-nilai pendidikan Islam adalah salah satu usaha dalam membentuk sebuah persekitaran pendidikan yang bukan sahaja berpusatkan manusia malah turut

<sup>7</sup> Yusof, *Pengurusan Pendidikan Islam*, 104.

<sup>8</sup> Robert K. Yin, *Case Study Research and Applications: Design and Methods*, 4th ed. (SAGE Publications, 2009), 127-159.

<sup>9</sup> Erna Nuralia Zharani, "Reka Bentuk Mukaan Bangunan Awam Ke Arah Pembentukan Seni Bina Bercirikan Identiti Kebangsaan Malaysia," Dis. Sarjana, (Universiti Teknologi Malaysia, 2019), 146-155.

<sup>10</sup> Lawrence K. Schmidt, *Understanding Hermeneutics* (Routledge, 2014), 1.

<sup>11</sup> Asmawati Suhid dan Fathiyah Mohd Fakhrudin, "Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran," *Journal of Islamic and Arabic Education* 4, no. 2 (2012): 57-58.

<sup>12</sup> Alice Sabrina Ismail, "The Influence of Islamic Political Ideas on The Design of State Mosque In Peninsular West Malaysia," Dis. Doktor Falsafah, (University of Queensland Technology, 2008), 46-48.

<sup>13</sup> Lukis Alam, "Internalisasi Nilai-Nilai Pendidikan Islam dalam Perguruan Tinggi Umum melalui Lembaga Dakwah Kampus," *Jurnal Pendidikan Islam*, no. 2 (2016): 104-107.

memangkin seseorang individu untuk terus berbuat kebaikan demi manfaat kepada diri sendiri, masyarakat dan persekitaran alam.<sup>14</sup>

Sementelahan itu, falsafah nilai pendidikan Islam dalam konteks transformasi ummah dapat dilihat melalui dua dimensi iaitu dimensi kemasyarakatan dan individu, di mana dimensi kemasyarakatan melihat pendidikan sebagai mekanisme pewarisan budaya dan nilai manakala individu pula lebih ditekankan kepada pendidikan yang mengembangkan bakat, kebolehan dan keupayaan seiring dengan pembangunan akhlak demi kehidupan berkomuniti yang berkualiti.<sup>15</sup> Erti kata lain, individu Muslim wajib mematuhi segala suruhan dan peraturan yang telah digariskan berpandukan perintah Allah S.W.T melalui pendidikan Al-Quran dan Sunnah yang sememangnya mengutamakan keharmonian sesama manusia dan juga alam.<sup>16</sup> Justeru, kehidupan yang berlandaskan nilai-nilai yang dibawa oleh ajaran Islam mempunyai hirarki nilai yang terdiri daripada nilai kewajiban, asas, perlindungan, pelaksanaan serta pengajaran, sememangnya menyetengahkan sistem nilai bersifat menyeluruh dan inklusif.<sup>17</sup> Seiringan dengan sifat inklusif ini, elemen nilai terbabit seharusnya diterapkan dalam elemen seni bina serta perancangan reka bentuk binaan institusi pendidikan Islam. Hal ini demikian kerana seni bina memainkan peranan yang penting dalam membentuk persekitaran alam bina yang mesra manusia seiring dengan objektif seni bina Islam.<sup>18</sup>

Lantaran itu, perancangan reka bentuk institusi terbabit haruslah menekankan elemen budaya pembelajaran ke arah kelengkapan pendidikan bagi seseorang Muslim dengan mempromosikan persekitaran alam bina berkonsepkan komuniti serta mendekati alam sekitar. Oleh itu, berlandaskan teori yang telah diketengahkan mengenai seni bina berpotensi untuk menjadi sebuah tanda serta simbol dalam menyampaikan nilai-nilai keIslaman melalui elemen binaan fizikal, maka makalah ini akan mengadaptasi teori sosio-semiotik dalam mencerakinkan perkaitan falsafah nilai pendidikan Islam dengan elemen seni bina dan unsur reka bentuk binaan luaran dan ruangan dalaman institusi pendidikan Islam.<sup>19</sup> Teori sosio-semiotik yang digunakan menekankan analisis kaedah membaca tanda (sign) melalui penekanan konsep 'signifier' dan 'signified'.<sup>20</sup> Rajah 2 berikut merupakan rangka pemahaman yang mengadaptasi teori sosio-semiotik Gottdiener untuk menganalisis dan menterjemah falsafah nilai-nilai pendidikan Islam melalui seni bina dan reka bentuk institusi pendidikan Islam yang berperanan sebagai sebuah tanda pusat pendidikan Islam kepada masyarakat.

---

<sup>14</sup> Zawawi Ahmad, "Pendidikan Islam: Ditinjau daripada Sudut Prinsip, Konsep dan Matlamatnya," dalam *Pendidikan Islam: Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*, ed. Abd. Halim El-Muhammady (Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1994), 13-59.

<sup>15</sup> Yusof, *Pengurusan Pendidikan Islam*, 25.

<sup>16</sup> Ahmad Dzaky, Syaifuddin Sabda dan Mahyuddin Barni, "The Concept of Education in the Family of the Tabligh Congregation," *International Research Journal of Management, IT & Social Sciences* 8, no. 5 (2021): 449-450.


<sup>17</sup> Barsihannor et al., "Abdullah Saeed's Construction of the Hierarchy of Values in the Qur'ān: A Philosophical Hermeneutic Perspective," *Journal of Islamic Thought and Civilization* 13, no. 1 (2023): 121-122.

<sup>18</sup> Mehresa Payandeh, Azadeh Hariri dan Negar Hakim, "Analyzing Spiritual Messages in the Geometric and Numeric Patterns of Sheikh Lotfollah Mosque Based on Islamic Cosmology," *Journal of Islamic Architecture* 8, no. 2 (2024): 295.

<sup>19</sup> Nurul 'Athiqah Baharudin dan Alice Sabrina Ismail, "Communal Mosques: Design Functionality towards the Development of Sustainability for Community," *Procedia: Social and Behavioral Sciences*, no. 153 (2014): 109.

<sup>20</sup> Maurice Gottdiener, *Postmodern Semiotics: Material Culture and the Forms of Postmodern Life* (Blackwell Publishers, 1995), 444.

Rajah 2: Rangka Pengolahan Penggunaan Teori Sosio-Semiotik



## Penghayatan Atribut Falsafah Nilai Pendidikan Islam melalui Elemen Seni Bina dan Unsur Reka Bentuk

### Nilai Syumul

Pendidikan Islam merupakan sebuah proses pembentukan kehidupan realiti dengan menekankan penanaman gaya hidup beretika dalam kehidupan seseorang individu Muslim secara menyeluruh melalui pemahaman nilai-nilai ketuhanan serta kemanusiaan yang berlandaskan Al-Quran dan hadis.<sup>21</sup> Justeru, etika kehidupan seorang Muslim sememangnya merupakan sebuah proses pembelajaran dalam membina dan membentuk sebuah hubungan baik antara manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia serta manusia dengan alam.<sup>22</sup> Hal ini demikian kerana syumul menurut istilah perspektif agama Islam bermaksud mencakupi segala perihal bidang kehidupan yang bersangkutan paut dengan aspek ketuhanan, kemanusiaan serta kemakmuran alam sekitar. Di samping itu, atribut kepada nilai pendidikan Islam yang syumul sentiasa berorientasi kepada pembentukan individu beragama, bermoral serta berbudaya.<sup>23</sup> Menurut penulisan Prof. Dr. Achmadi (2008), nilai syumul yang utama dapat dilihat melalui pendidikan Islam terbahagi kepada tiga (3) aspek iaitu iktiqad, ubudiyah dan akhlak.

Aspek iktiqad adalah berkait rapat dengan dimensi akidah yakni keimanan kepada Allah S.W.T. bersifat sesuatu yang mutlak melalui pengakuan lisan, kepercayaan jiwa serta melaksanakan kepercayaan secara nyata dengan menunaikan aspek ubudiyah iaitu dimensi perlaksanaan perbuatan mengabdikan diri dan

<sup>21</sup> Abdul Wahab Syakhrani, “Memperkuat Eksistensi Pendidikan Islam Di Era 4.0,” *CBJIS: Jurnal Studi Islam Lintas Negara (Journal of Cross Border Islamic Studies)* no. 2 (2019): 59-60.


<sup>22</sup> Muhammad Syamsi Harimulyo, Benny Prasetya dan Devy Habibi Muhammad, “Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Kitab Risalatul Mu’awanah Dan Relevansinya,” *Jurnal Penelitian IPTEKS* 6, no. 1 (2021): 73.

<sup>23</sup> M. Ilham Muchtar dan Asniati, “Nilai-Nilai Pendidikan Islam dalam Budaya Pernikahan Masyarakat Kajang Bulukumba,” *Educandum* 6, no. 1 (2020): 155.

kepercayaan kepada Allah.<sup>24</sup> Kesinambungan dengan aspek ini, kewajiban rutin pelaksanaan ibadah kepada Allah yang Esa turut merupakan asas tauhid kepada seseorang Muslim. Hal ini dapat disaksikan melalui penyediaan ruang ibadah dalam pelbagai institusi Islam demi memudahkan proses manifestasi terhadap pendidikan dan pelaksanaan ibadah sebagai pengabdian kepada Allah. Oleh itu, impak tauhid kepada sesebuah binaan fizikal menekankan elemen kesatuan serta keseimbangan, mengintegrasikan arah kiblat, mewujudkan ruangan inklusif dan terbuka untuk mengimarahkan persaudaraan, menyediakan ruangan perlindungan untuk mengangkat nilai kesucian dan keamanan serta menyesuaikan binaan dengan budaya setempat dalam perancangan reka bentuk.<sup>25</sup> Konsep tauhid melalui proses iktiqad dan ubudiyah yang jitu sememangnya melahirkan masyarakat Muslim yang berakhlak yakni melengkapi makna nilai pendidikan Islam yang syumul dengan mengutamakan keseimbangan dan ketenteraman. Hasilnya, muslim yang beriman kepada Allah, beribadah dan berakhlak seterusnya mewujudkan perhubungan serta persaudaraan yang harmoni dalam komuniti masyarakat sekali gus menjamin kesejahteraan perhubungan antara manusia dengan manusia dan juga alam.<sup>26</sup>

Sehubungan itu, pendidikan akhlak dalam Islam berkait rapat dengan penerapan nilai-nilai adab dan hormat dalam diri seseorang individu. Nilai adab adalah fundamental dalam pembentukan komuniti Islam berpendidikan yang menyeluruh. Hal ini demikian kerana hubungan adab dan komuniti bukan sahaja terikat dengan norma dan peraturan yang didorong oleh sikap hormat-menghormati, malahan turut melibatkan penekanan nilai adab dan hormat terhadap alam sekitar yang signifikan melalui pengendalian sumber alam semula jadi dengan berhemah. Maka, dalam terma seni bina, nilai adab dapat dipaparkan daripada lokasi dan perletakan sesebuah bangunan dalam sesebuah kawasan.<sup>27</sup> Ciri-ciri elemen seni bina seperti perletakan mahupun penempatan sesebuah bangunan seharusnya dipertimbangkan dalam perancangan awal rangka kerja reka bentuk demi menghasilkan seni bina yang menghormati konteks setempat serta menitikberatkan aspek alam sekitar.<sup>28</sup> Rajah 3 bertindak sebagai contoh perletakan binaan fasad yang simetri dan struktur yang bertindakbalas dengan konteks geografi setempat bukan sahaja memaparkan elemen pengulangan dalam seni bina luarannya malah seterusnya memaparkan kesatuan gaya bahasa yang harmoni, seimbang, bersederhana dan beridentiti tempatan.<sup>29</sup>

### **Rajah 3: Institusi Pendidikan di Istanbul yang Dikenali sebagai Masjid Suleymaniye<sup>30</sup>**



Justeru, aspek komuniti serta alam semula jadi tempatan merupakan pemangkin sesebuah keputusan perancangan reka bentuk dilaksanakan berlandaskan nilai adab dan hormat untuk mewujudkan alam bina dalam lingkungan aksesibiliti masyarakat setempat demi membenarkan kemasukan pelbagai peringkat komuniti ke dalam bangunan tanpa sekatan. Seiringan itu, perletakan sesebuah bangunan dalam kehendak reka bentuk yang beradab dan telus bukan sahaja memudahkan serta menghormati kehidupan harian komuniti dan alam semula jadi setempat, malah turut menggalakkan sesuatu binaan baharu disenangi dan diterima dalam konteks persekitaran tempatan. Nilai syumul turut memaparkan intipati atribut nilai menghargai yang dapat dilihat melalui reka bentuk bangunan yang mengaplikasikan bahan binaan dan teknologi yang menepati semangat setempat dan sezaman.<sup>31</sup> Perkara ini berkaitan bahan binaan yang dirancang dan digunakan seharusnya bertindak balas terhadap keperluan iklim dan

<sup>24</sup> Muchtar dan Asniati, "Nilai-Nilai Pendidikan Islam," 155-156.

<sup>25</sup> Mustafa Tutar and Sadettin Okten, "The Concept of Tawhid as The Spatial Understanding of Islamic Cities," *Journal of Islamic Studies* 53 (2025): 22.

<sup>26</sup> Moch. Aderi Che Noh, Asmawati Suhid dan Zamri Abdul Rahim, "Pelaksanaan Transformasi Pendidikan Islam dalam Mendepani Globalisasi," dalam *Proceeding International Seminar on Islamic Education (ISIE) 2* (Ponorogo: Universitas Muhammadiyah Ponorogo, 2018), 4.

<sup>27</sup> Ismail, "The Influence of Islamic Political Ideas," 78-85.

<sup>28</sup> Ismail, "The Influence of Islamic Political Ideas," 96.

<sup>29</sup> Nurul Syaheera Aziz, "Nilai Kemasyarakatan di Dalam Reka bentuk Madrasah Islam Reformis di Terengganu dan Kelantan, Malaysia," Dis. Sarjana, (Universiti Teknologi Malaysia, 2017), 64.


<sup>30</sup> Lucie Ryzova, *The Age of the Efendiyya: Passages to Modernity in National-Colonial Egypt* (Oxford University Press, 2014), 139-177.

<sup>31</sup> Nader Ardalan dan Laleh Bakhtiar, *The Sense of Unity: The Sufi Tradition in Persian Architecture* (The University of Chicago Press, 1973), 13.

*Elemen Seni Bina dan Unsur Reka Bentuk Bangunan dalam Perkembangan Institusi Pendidikan Islam* budaya identiti setempat demi keserasian kehendak dan keperluan masyarakat.<sup>32</sup> Tambahan pula, reka bentuk ruangan yang memaparkan nilai menghargai dapat dikenalpasti apabila terdapat banyak akses yang terbuka untuk memudahkan pengguna agar dapat memanfaatkan fungsi ruang tersedia demi memenuhi keperluan aktiviti yang dikehendaki.<sup>33</sup>

Tambahan pula, kebanyakan pembinaan institusi pendidikan Islam seperti institusi madrasah, surau mahupun masjid merupakan sebahagian daripada waqaf pendidikan daripada komuniti Muslim setempat dalam menyahut seruan berbuat kebaikan kepada masyarakat.<sup>34</sup> Oleh itu, pembinaan institusi pendidikan selain melahirkan khalifah Islam untuk mentadbir bumi ini dengan kebaikan dan kesejahteraan, maka perancangan reka bentuk institusi pendidikan seharusnya mempunyai ruang komunal untuk komuniti setempat mempelajari ilmu Islam sekali gus turut mendedahkan para pelajar untuk berkongsi pengetahuan serta bekerjasama dengan masyarakat setempat. Perbincangan ini seterusnya bergerak seiring dengan pernyataan Hamid Fahmi Zarkasyi (2004) mengenai proses untuk membina institusi pendidikan Islam yang syumul melalui dua (2) prinsipal utama. Pertama, setiap pereka seharusnya mengintegrasikan akses terbuka daripada pelbagai arah ke dalam bangunan. Kedua, bangunan yang dibina haruslah berada dalam lingkungan jarak yang dekat dengan penempatan masyarakat setempat di mana seterusnya berpotensi menjadi satu mercu tanda dalam kawasan kejiranan komuniti terbabit. Bahkan penggunaan bahan binaan daripada sumber tempatan adalah salah satu usaha untuk menonjolkan nilai hormat di samping memberikan rasa elemen tempatan untuk para pengguna dan juga konteks persekitaran. Natijahnya, kewujudan nilai hormat akan menampilkan seni bina tempatan dengan identiti wilayah, menonjolkan ciri-ciri keaslian dan seterusnya tidak terpengaruh ataupun terkeluar konteks.<sup>35</sup> Ringkasnya, atribut-atribut nilai syumul yang telah dibincangkan menghasilkan reka bentuk binaan luaran dan ruangan dalaman yang mesra manusia akan memangkin pengiktirafan dan penerimaan daripada komuniti setempat terhadap binaan institusi pendidikan terbabit.<sup>36</sup> Rajah 4 berikut menunjukkan rumusan analisis perkaitan antara definisi istilah dan atribut nilai syumul dengan elemen seni bina dan perancangan reka bentuk institusi pendidikan Islam.

**Rajah 4: Nilai Syumul Melalui Seni Bina dan Reka Bentuk Bangunan**



<sup>32</sup> Tajuddin Mohd. Rasdi dan Nangkula Utaberta, "The Design of Mosque as Community Development Centers from the Perspective of Sunna and Wright's Organic Architecture," *Journal of Islamic Architecture*, no. 1 (2010): 4-6.

<sup>33</sup> Leon Krier, *The Architecture of Community* (Island Press, 2009), 29-34.

<sup>34</sup> Abdan Rahim, "Peran Wakaf dalam Pengembangan Pendidikan Islam," *Al-Qalam: Jurnal Ilmiah Keagamaan dan Kemasyarakatan* 13, no. 1 (2019): 91.

<sup>35</sup> Gunila Jiven dan Peter J. Larkham, "Sense of Place, Authenticity and Character: A Commentary," *Journal of Urban Design* 8, no. 1 (2003): 67-81.

<sup>36</sup> Christopher Alexander, *A Pattern Language: Towns, Buildings & Construction* (Oxford University Press, 1977), 467-931.



### **Nilai Kamil**

Nilai kesempurnaan mahupun kamil dalam pendidikan Islam, yang utamanya berteraskan Al-Quran sememangnya berada di tangga tertinggi dalam tingkatan ilmu pengetahuan kerana lengkap dan sempurna, diikuti dengan ilmu hadis dan seterusnya pendapat para ulama.<sup>37</sup> Secara umum, konsep operasi pendidikan Islam adalah proses transformasi dan pembentukan segala ilmu pengetahuan yang disulami nilai-nilai pendidikan yang kamil untuk menjana perkembangan potensi fitrah seseorang individu demi mencapai keselarasan dan kesempurnaan segala aspek pencapaian hidup.<sup>38</sup> Hal ini demikian kerana pendidikan yang sempurna merupakan tunjang utama dalam pembangunan taraf sosial masyarakat dan juga negara.<sup>39</sup> Tambahan pula, kepentingan pendidikan kepada pembangunan sesebuah negara dapat disaksikan melalui peruntukan belanjawan negara dalam usaha membangunkan modal insan melalui pembinaan institusi pendidikan serta sistem pembelajaran demi menjamin kemajuan berterusan melalui peningkatan akses terhadap ilmu pengetahuan kepada masyarakat.<sup>40</sup> Maka jelaslah di sini penubuhan institusi pendidikan Islam bukan sahaja berpotensi sebagai salah sebuah lembaga mempromosikan nilai-nilai pendidikan Islam kamil melalui modul pengajaran dan pembelajaran, malahan turut merangkumi perancangan reka bentuk bangunan institusi pendidikan terbabit.

Nilai insan kamil dapat disemai apabila seseorang individu berusaha meningkatkan potensi diri demi mewujudkan taraf kehidupan yang berkualiti dan terbaik, sekali gus mendidik jiwa merendah diri dengan mengagungkan kekuasaan Allah S.W.T. Hal ini berkaitan dengan tujuan penciptaan manusia oleh Allah S.W.T. sebagai makhlukNya yang sempurna untuk diperintah menjadi hambaNya yang sentiasa beribadah.<sup>41</sup> Sehubungan dengan konteks kesempurnaan dalam kesederhanaan yang dinyatakan, manusia telah diciptakan memiliki tubuh badan ataupun jasmani yang ideal dan berketerampilan menarik serta dilengkapi dengan panca indera, di samping mempunyai aspek rohani misalnya jiwa, perasaan, minat, nafsu serta berfikiran kritis, maka secara fitrahnya manusia perlu sentiasa merendah diri dengan bertakwa hanya kepada Allah S.W.T.<sup>42</sup> Hasilnya, nilai kamil menerajui konsep pembentukan modal insan dalam melahirkan individu yang berpendidikan beserta memiliki akal fikiran yang cerdas, cergas tubuh badan dan jasmani, kukuh aspek rohani dan hatinya penuh takwa kepada Allah S.W.T., seterusnya mewujudkan individu yang berketerampilan namun bersederhana, memiliki pengetahuan serta kemahiran menyelesaikan sesebuah masalah secara profesional dan sentiasa berusaha mengembangkan pengetahuan sesebuah bidang sains kemasyarakatan serta falsafah pendidikan.<sup>43</sup>

Berdasarkan penjelasan di atas, nilai pendidikan kamil dapat diimplementasi dalam konteks reka bentuk institusi pendidikan Islam dengan merancang persekitaran binaan fizikal yang merangsang pertumbuhan asasi fitrah seseorang pengguna. Perkara ini berkaitan dengan perancangan reka bentuk binaan luaran serta ruangan haruslah berteraskan tuntutan beribadah tanpa had dan kekangan dengan mengutamakan elemen seni bina yang menekankan elemen seimbang dan bersederhana. Hal ini demikian kerana reka bentuk bersederhana mewujudkan persekitaran tenang sekali gus memaparkan intipati pendidikan Islam sentiasa mengintegrasikan nilai bersederhana dalam kehidupan harian setiap individu Islam supaya sentiasa bertawaduk sama ada dalam menunaikan sesebuah ibadah mahupun tanggungjawab. Malah dalam bahasa seni bina bangunan, unsur reka bentuk yang berciri tawaduk dirancang dalam skala yang berkadar dan tidak mendominasi ciptaan Tuhan.<sup>44</sup> Hal ini bermakna perancangan reka bentuk sesebuah binaan luaran mahupun ruangan seharusnya tidak melebihi alam semula jadi sebagai salah sebuah simbol tawaduk kepada Tuhan.<sup>45</sup> Nilai tawaduk yakni merendah diri, turut berkait rapat dengan nilai kesederhanaan merupakan ciri-ciri moral yang mulia dalam proses pembentukan insan kamil. Nilai kesederhanaan ini secara tidak langsung mendidik jiwa setiap Muslim terhadap pengertian keikhlasan melalui perbuatan terutamanya dengan mengumpulkan seluruh

---

<sup>37</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *The Concept of Education in Islam: A Framework for An Islamic Philosophy of Education* (International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC), 1999), 2-5.

<sup>38</sup> Mohammad Al-Farabi, "Profil Insan Kamil dalam Perspektif Pendidikan Islam," *Islamijah: Journal of Islamic Social Sciences* 2, no. 1 (2022): 2-3.

<sup>39</sup> Nor Hartini Saari, "Pendidikan Sempurna Penting untuk Pembangunan Negara," *Institut Kefahaman Islam Malaysia*, diakses Februari 1, 2025, <https://www.ikim.gov.my/index.php/2007/08/24/pendidikan-sempurna-penting-untuk-pembangunan-negara/>.

<sup>40</sup> Saari, "Pendidikan Sempurna Penting untuk Pembangunan Negara," *Institut Kefahaman Islam Malaysia*.

<sup>41</sup> Al-Farabi, "Profil Insan Kamil," 4-5.

<sup>42</sup> Zakaria Stapa, "Insan Kamil: Ciri dan Proses Pembentukan," *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 2, no. 1 (2001): 45-47.

<sup>43</sup> Rana Meliantina, "Pendidikan Islam dalam Membentuk Insan Kamil: Analisis Pemikiran Ahmad Tafsir," Dis. Sarjana, (Universitas Islam Negeri Fatmawati Sukarno Bengkulu, 2022), 36-38.

<sup>44</sup> Rasdi dan Utaberta, "The Design of Mosque," 6.


<sup>45</sup> Aziz, "Nilai Kemasyarakatan di Dalam Reka Bentuk Madrasah Islam Reformis," 56.



*Elemen Seni Bina dan Unsur Reka Bentuk Bangunan dalam Perkembangan Institusi Pendidikan Islam* kekuatan fizikal dan rohnya untuk dihadirkan dalam menyembah dan mengagungkan Allah S.W.T.<sup>46</sup> Seterusnya dalam terjemahan reka bentuk, nilai kamil yang tawaduk digambarkan melalui perancangan ruang yang berkadar dengan fungsi beserta perincian reka bentuk yang tidak berlebihan.<sup>47</sup> Hal ini memaparkan pertimbangan yang signifikan dalam perancangan reka bentuk yang bersederhana, berfungsi, seimbang dan responsif terhadap seni bina dan gaya hidup tempatan adalah penting kerana mempengaruhi keberkesanan pergerakan dan kepenggunaan persekitaran alam bina mengikut keperluan semasa pengguna.<sup>48</sup>

Sehubungan itu, dalam rangka kata seni bina, nilai kesederhanaan turut dapat dipaparkan melalui skala pembinaan sesebuah bangunan yang elemental dengan menitikberatkan skala pengguna dan juga konteks sekeliling.<sup>49</sup> Hal ini berkaitan dengan perancangan skala bangunan yang seimbang dan harmoni dengan persekitaran mengintegrasikan elemen seni bina yang mengaplikasi mekanisme pengulangan, penggredan, pembahagian serta fleksibiliti terhadap reka bentuk strukturnya.<sup>50</sup> Tambahan pula, rupa reka bentuk bangunan yang menampilkan nilai kesederhanaan turut dapat dilihat melalui hiasan serta perincian seni dekorasi bangunan yang berkeadaan ringkas, minimalistik dan mengutamakan aspek fungsi, baik daripada unsur binaan luaran mahupun dalaman bangunan.<sup>51</sup> Hal ini secara tidak langsung meningkatkan potensi reka bentuk sesebuah bangunan institusi pendidikan Islam berkemampuan menyampaikan mesej bahawa agama Islam adalah agama yang mengamalkan kesederhanaan dan menekankan sifat rasa hormat terhadap keadaan sekitar sekali gus meningkatkan kepenggunaan ruangan dengan lebih efisien serta mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar.<sup>52</sup> Apabila segenap keperluan potensi seseorang pelajar dipenuhi secara menyeluruh misalnya melalui penyediaan ruangan riadah untuk aspek jasmani dan ruangan ibadah untuk aspek rohani melalui reka bentuk ruangan alam bina, keseimbangan taraf emosi dapat dipertingkat secara tidak langsung menonjolkan aspek nilai kamil dalam perkaitan ideologi potensi fitrah pengguna dengan aspek fizikal reka bentuk. Tuntasnya, perancangan reka bentuk bangunan terutamanya penyediaan dan susunan ruang haruslah berkadar dengan sasaran fungsi agar kepenggunaan ruangan lebih efisien serta mewujudkan keselesaan kepada para pengguna ketika memanfaatkan persekitaran alam bina. Rajah 5 menunjukkan struktur binaan yang memaparkan unsur pengulangan pada ornamentasi serta struktur tiang mewujudkan elemen seni bina yang seimbang dan harmoni beserta turut mempamerkan konfigurasi binaan dan ruangan yang berkadar dengan proporsi manusia. Rumusan analisis perkaitan antara definisi istilah dan atribut nilai kamil dengan elemen seni bina dan perancangan reka bentuk institusi pendidikan Islam dideduksi dalam Rajah 6.

**Rajah 5: Struktur Binaan Madrasa Amiriya di Rada, Yemen<sup>53</sup>**



<sup>46</sup> Stapa, "Insan Kamil," 49-50.

<sup>47</sup> Aziz, "Nilai Kemasyarakatan di Dalam Reka Bentuk Madrasah Islam Reformis," 56.

<sup>48</sup> Zoe Crossland, "Signs of Mission: Material Semiosis and Nineteenth-Century Tswana Architecture," *Signs and Society*, no.1 (2011): 101-102.

<sup>49</sup> Ismail, "The Influence of Islamic Political Ideas," 275.


<sup>50</sup> Hafsa Ramzi dan Maysaa Muffeq, "Structure as a Tool of Achieving Human Scale in the Islamic Architecture," dalam International Conference on Transport, Civil, Architecture and Environment Engineering. (Dubai, 2012), 72.

<sup>51</sup> Ismail, "The Influence of Islamic Political Ideas," 197-198.

<sup>52</sup> Baharudin dan Ismail, "Communal Mosques," 107.

<sup>53</sup> Aziz, "Nilai Kemasyarakatan di Dalam Reka bentuk Madrasah Islam Reformis," 62.

**Rajah 6: Nilai Kamil Melalui Seni Bina dan Reka Bentuk Bangunan**



**Nilai Adil**

Adil menurut perspektif Islam sebenarnya membawa kepada seruan tuntutan kepada masyarakat untuk membudayakan amalan berlaku adil melalui seluruh tindakan dan keputusan sekali gus mencorakkan impak positif dalam kehidupan sosial manusia demi mencapai keamanan dan kesejahteraan.<sup>54</sup> Hal ini demikian kerana nilai keadilan merupakan komponen utama dalam pengurusan dan pemerintahan Islam sepertimana kalangan ulama Islam mendefinisikan keadilan itu sebagai meletakkan sesuatu yang bersesuaian dengan kedudukan dan tempat ataupun memberi dan menentukan setiap yang berhak memperolehi haknya secara sah dan bersesuaian.<sup>55</sup> Di samping itu, keadilan bukanlah bererti persamaan sepenuhnya. Berlanjutan dengan pernyataan ini, tuntutan ke arah memperoleh hak persamaan umum di antara manusia dalam semua aspek kehidupan atas dakwaan menegakkan keadilan sejagat adalah tidak wajar. Hal ini demikian kerana setiap individu yakni sama ada lelaki sesama lelaki, wanita sesama wanita, serta lelaki sesama wanita pada dasarnya fiqahnya adalah tidak sama keperluannya terutama daripada segi tuntutan kehidupan harian.<sup>56</sup> Justeru, nilai keadilan beroperasi memenuhi tuntutan hak keperibadian setiap individu sekali gus memelihara ketenteraman sosial dan alam sekitar.<sup>57</sup>

Allah mempertanggungjawabkan khalifah di muka bumi ini untuk melengkapkan keadilanNya dengan menurunkan risalah dan nilai-nilai Islam kepada umat manusia.<sup>58</sup> Risalah yang diperkata merujuk kepada tanggungjawab terhadap asas-asas iman untuk mengangkat kesempurnaan kandungannya yang terdiri daripada undang-undang, sistem organisasi dan aspek sistem akhlak.<sup>59</sup> Pelaksanaan tanggungjawab dan amanah ini memerlukan perancangan dan sistem pendidikan yang berteraskan aspek nilai keadilan agar perkembangan ilmu lebih berkesan demi membangunkan kehidupan di bumi ini ke arah kesejahteraan yang berkualiti.<sup>60</sup> Penelitian nilai keadilan melalui konsep khalifah ini memangkin pembentukan sesebuah institusi pendidikan Islam bukan sahaja berperanan dalam penyebaran ilmu-ilmu agama Islam ke segenap lapisan masyarakat, malah turut melahirkan khalifah

<sup>54</sup> Ahmad Zaki Ibrahim, "Penerapan Nilai Keadilan dalam Bidang-Bidang Utama Kehidupan Masyarakat Bertamadun: Analisis Mengikut Perspektif Al-Quran," *Jurnal Usuluddin* 19, no. 5 (2004): 65.  
<sup>55</sup> Nor Ashikin Md Nor dan Salmah Jan Noor Muhammad, "Bustan al-Salatin Panduan kepada Pemerintahan Islam yang Adil oleh Golongan Pembantu Raja," *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, no. 26 (2012): 63.  
<sup>56</sup> Ibrahim, "Penerapan Nilai Keadilan," 67.  
<sup>57</sup> Tutar dan Okten, "The Concept of Tawhid," 18.  
<sup>58</sup> Ibrahim, "Penerapan Nilai Keadilan," 61-63.  
<sup>59</sup> Ab Aziz Yusof, "Kerangka Konseptual Keadilan Islam dalam Pelaksanaan Penilaian Prestasi," *International Journal of Management Studies* 21, no. 2 (2014): 88-89.  
<sup>60</sup> Rizal Ariffin dan Hairul Nizam Ismail, "Konsep Keadilan dalam Teori Kecerdasan Pelbagai Menurut Perspektif Islam," *Jurnal Pendidikan Psikologi* 7, no. 2 (2007): 66-67.

*Elemen Seni Bina dan Unsur Reka Bentuk Bangunan dalam Perkembangan Institusi Pendidikan Islam* yang berkepemimpinan serta bertanggungjawab dalam mengurus dan membangunkan kualiti kehidupan realiti dunia ini seperti yang tertulis dalam surah Al-Baqarah yakni surah kedua kalam Al-Quran ayat ke 30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat, “Aku hendak menjadikan khalifah di bumi.” Mereka berkata, “Apakah Engkau hendak menjadikan orang yang merusak dan menumpahkan darah di sana, sedangkan kami bertasbih memuji-Mu dan menyucikan nama-Mu?” Dia berfirman, “Sungguh, Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.”

Cadangan menerapkan atribut nilai adil yang berteraskan aspek tanggungjawab, kewajiban dan kepimpinan dalam rancangan reka bentuk sesebuah binaan adalah amat signifikan kerana bukan sahaja hasil reka bentuknya berpotensi mewujudkan perlindungan hak individu, malahan turut memelihara ketenteraman sosial dan alam sekitar. Hal ini demikian apabila sesebuah masyarakat terlibat dalam proses membudayakan keadilan dalam kehidupan seharian sepertimana Islam menentukan sistem peraturan dan akhlak dalam keseluruhan proses pengadilan, prinsip ini menjamin setiap pihak masyarakat yang terlibat akan sentiasa menegakkan keadilan menjadi lebih bertanggungjawab dan menjalankan peranan masing-masing seterusnya menjamin kedamaian psikologi, kesejahteraan serta keamanan manusia seluruhnya di dunia ini.<sup>61</sup> Maka, segala perancangan reka bentuk binaan dan ruangan haruslah berpaksikan perletakan objektif penyusunan dan skema seni binanya memenuhi tuntutan hak keperibadian asas para pengguna. Hal ini menonjolkan nilai tanggungjawab melalui ajaran fiqah Islam yang mempraktikkan prinsip keperibadian melalui pembentukan struktur fizikal dan sosial dalam persekitaran alam bina agar lebih berautonomi, tersusun serta homogen demi melindungi keunikan pengguna.<sup>62</sup>

Seiringan itu, Jeanne M. Plas dan Susan E. Lewis (1996) juga berpendapat aspek tanggungjawab merangkumi dimensi fizikal dan juga emosi masyarakat perlu dititikberatkan ketika perancangan awal reka bentuk. Justeru, aspek ini dapat dipaparkan melalui perancangan susun atur, peredaran serta pergerakan dalam sesebuah bangunan dan ruangan kerana rangka kerja reka bentuknya bertujuan memenuhi keperluan, keselesaan dan fungsi utama ruang yang berpaksikan pengguna supaya mewujudkan rasa terbelah dalam diri mereka serta memangkin rasa tanggungjawab menjaga sesebuah persekitaran luaran serta dalaman bangunan.<sup>63</sup> Kesenambungannya, hal ini merangsang tindak balas psikologi pengguna terhadap persekitaran alam bina yang responsif kepada keperluan mereka akan melahirkan rasa selamat dan selesa untuk mendiami sesebuah binaan serta ruangan yang telah terbina. Di samping itu, apabila sesebuah ruang itu dirancang untuk memenuhi tuntutan asasi terbabit dengan mengadaptasi susunan hirarki tertentu, maka keputusan reka bentuk ini membentuk aktiviti sosial pengguna yang terkawal dalam sesebuah binaan.<sup>64</sup> Hal ini bergerak seiring dengan pendapat Mohd. Tajuddin Rasdi (1998) yang menyatakan penyusunan reka bentuk dan seni bina mengikut susunan tertentu berpotensi dalam menyediakan mobiliti maksimum kepada pengguna serta mencerminkan nilai tanggungjawab binaan dan ruangan terbabit kerana mematuhi tuntutan fungsi reka bentuk yang memanfaatkan pengguna. Rajah berikut menunjukkan reka bentuk ruangan yang menepati nilai kebertanggungjawaban sekali gus mematuhi gaya hidup Islam dan tuntutan asasi individu melalui pengasingan zon dan peredaran ruang ke ruang antara lelaki dan perempuan sekali gus mewujudkan persekitaran yang selamat dan tenteram.


<sup>61</sup> Ibrahim, “Penerapan Nilai Keadilan,” 66.

<sup>62</sup> Tutar and Okten, “The Concept of Tawhid,” 18.

<sup>63</sup> Ismail, “The Influence of Islamic Political Ideas,” 275-281.

<sup>64</sup> Aziz, “Nilai Kemasyarakatan di Dalam Reka bentuk Madrasah Islam Reformis,” 38.

Rajah 7: Susun Atur Ruang di Madrasah Qalawun, Mesir<sup>65</sup>



Selain itu, nilai sebenar seseorang Muslim turut ditentukan berdasarkan sejauh mana seseorang individu itu bertindak adil sebagai manifestasi kecintaannya terhadap kebenaran. Firman Allah S.W.T. dalam surah An-Nisa ayat ke 135:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلّٰهِ وَلَوْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ ۚ إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللّٰهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۗ فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىٰٓ أَن تَعْدِلُوا ۗ وَإِن تَلَوْا أَوْ نُسِئْتُمْ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ۝١٣٥﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Menerusi ayat Al-Quran terhadap seruan berlaku adil yang dinyatakan di atas, Allah S.W.T. memperlihatkan bahawa kedua-dua aspek, iaitu kepimpinan dan kesaksian hendaklah dilaksanakan secara adil selaras dengan iltizam setiap muslim untuk menunaikan kewajiban secara ikhlas sebagai tanda ketakwaan kepada Allah S.W.T dalam menegakkan kebenaran yang hakiki.<sup>66</sup> Maka, hasil analisis perkaitan dengan penyelarasan aspek tanggungjawab dan kepimpinan, termaktublah nilai kewajiban sebagai salah sebuah atribut kepada nilai adil melalui perincian falsafah pendidikan Islam yang harus dipraktikkan oleh setiap Muslim. Pendidikan Islam bukan saja mempromosikan aspek toleransi dan kesabaran, malah turut menyemarakkan keharmonian dan kasih sayang melalui komponen nilai kewajiban yang dituntut pelaksanaannya bagi setiap individu.<sup>67</sup> Seterusnya terjemahan nilai kewajiban ini melalui elemen seni bina dapat dikenalpasti apabila perancangan reka bentuk sesebuah binaan mengambil kira rasa intipati konteks komuniti tempatan.<sup>68</sup> Hal ini bererti sesebuah reka bentuk bangunan pendidikan itu haruslah mewujudkan semangat kekitaan serta 'sense of belongings' melalui ketertiban dan keteraturan rupa bentuk, identiti serta gaya bahasa seni binanya agar sepadan dengan keadaan tapak dan persekitaran seni bina tempatan.<sup>69</sup> Selain itu, susun atur ruang seperti perletakan ruangan interaksi sosial turut memaparkan pengaruh nilai kewajiban kerana hubungkaitnya mewujudkan keteraturan aktiviti yang memanfaatkan pengguna tempatan.<sup>70</sup> Seiringan dengan ini, reka bentuk ruangan yang disediakan haruslah memangkin interaksi terbuka secara maksimum dengan merancang perletakan ruang yang berbilang fungsi, fleksibel beserta susun aturnya yang memudahkan laluan pengguna. Hal ini meningkatkan peluang pengguna berinteraksi dan menghargai ruang yang telah disediakan tanpa wujud rasa terpencil.<sup>71</sup> Akhirnya, rumusan analisis perkaitan antara definisi istilah dan atribut nilai adil dengan elemen seni bina dan perancangan reka bentuk institusi pendidikan Islam dapat dilihat dalam Rajah 8.

<sup>65</sup> Aziz, "Nilai Kemasyarakatan di Dalam Reka bentuk Madrasah Islam Reformis," 61.

<sup>66</sup> Fazlur Rahman, "Man in Society," dalam Rahman F., *Major Themes of the Qur'an, 2nd ed.* (University of Chicago Press, 2009), 27-28.

<sup>67</sup> Mahdi Torabi dan Mahmud Mohd Jusan, "Islamic Values and Their Influences on Architectural Design," dalam *5th SEATUC Symposium (Vietnam: Hanoi University of Science and Technology (HUST), 2011)*, 1.


<sup>68</sup> Torabi dan Jusan, "Islamic Values," 2.

<sup>69</sup> Aziz, "Nilai Kemasyarakatan di Dalam Reka bentuk Madrasah Islam Reformis," 57.

<sup>70</sup> Bill Hillier dan Julienne Hanson, *The Social Logic of Space*, (Cambridge University Press, 2006), 1-3.

<sup>71</sup> Aziz, "Nilai Kemasyarakatan di Dalam Reka bentuk Madrasah Islam Reformis," 57.

**Rajah 8: Nilai Adil Melalui Seni Bina dan Reka Bentuk Bangunan**



**Nilai Sejagat**

Nilai sejagat mempromosikan elemen integriti dan keamanan yang telus serta signifikan dalam pembangunan tamadun manusia.<sup>72</sup> Dasar nilai sejagat ini turut berlandaskan konsep ketuhanan, kemanusiaan dan kepercayaan yang lebih bertumpu kepada usaha memupuk keharmonian dan perpaduan dalam hidup bermasyarakat.<sup>73</sup> Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ramli turut mengutarakan nilai sejagat membudayakan aspek toleransi dan tatasusila sesama masyarakat dengan memahami hak golongan majoriti dan minoriti, menjauhi sifat taasub dan radikal serta sentiasa menentengahkan sifat keterbukaan sepertimana yang dimodelkan oleh Rasulullah S.A.W. Tambahan pula, nilai sejagat ataupun universal ini sememangnya turut sehati dalam konsep reka bentuk serta falsafah seni bina di mana acap kali dinyatakan oleh para sarjana dan arkitek seperti reka bentuk universal (universal design). Seni bina universal merupakan sebuah komposisi reka bentuk sesebuah persekitaran yang sentiasa membenarkan serta menitikberatkan elemen keterbukaan kepada segenap lapisan masyarakat tanpa wujud sebarang batasan.<sup>74</sup> Maka dalam konteks kajian ini, atribut nilai pendidikan Islam yang sejagat diterjemah melalui elemen seni bina dan unsur reka bentuk melibatkan aspek keterbukaan,<sup>75</sup> ketelusan dan kesusilaan.<sup>76</sup> Hal ini demikian kerana aspek yang dinyatakan saling berkaitan dan menyumbang kepada kesejahteraan dan keharmonian kehidupan berkomuniti dalam membentuk sebuah bahasa seni bina yang inklusif dan mesra pengguna sekali gus mengangkat definisi reka bentuk universal berintipati nilai sejagat yang relevan kepada masyarakat setempat.<sup>77</sup>

Seni bina memainkan peranan dalam menggambarkan nilai keterbukaan yang turut dikategorikan di bawah aspek fungsi berfokus kepada elemen mesra pengguna, yakni reka bentuk yang mengalu-alukan serta menjemput pelbagai pengguna ke bangunan yang telah dibina.<sup>78</sup> Hal ini membawa kepada perihal

<sup>72</sup> Mohammad Eisa Ruhullah dan Thameem Ushama, "Tawhidic Leadership in the Modern World: Bridging Islamic Governance with Universal Values for Peace and Integrity," *Al-Shajarah: Journal of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 29, no. 2 (2024): 334.  
<sup>73</sup> Abdul Halim Ramli, "Nilai Sejahtera dalam Islam, Agama Timur Pupuk Perpaduan," *Berita Harian Online*, April 20, 2019, <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/04/555267/nilai-sejahtera-dalam-islam-agama-timur-pupuk-perpaduan>  
<sup>74</sup> Singanapalli Balaran, "Chapter 3: Universal Design and the Majority World", dalam *Universal Design Handbook*, 2nd ed., ed. Wolfgang F.E. Preiser and Korydon H. Smith (McGraw Hill, 2011), 3.2.  
<sup>75</sup> Daniel Nilsson DeHanas dan Zacharias Pieri, "Olympic Proportions: The Expanding Scalar Politics of the London 'Olympics Mega-Mosque' Controversy," *SAGE Journal* 45, no. 5 (2011): 801.  
<sup>76</sup> Aziz, "Nilai Kemasyarakatan di Dalam Reka bentuk Madrasah Islam Reformis," 30-31.  
<sup>77</sup> Roger Coleman, "Chapter 21: Designing Inclusive Experiences," in *Universal Design Handbook*, 2nd ed., ed. Wolfgang F.E. Preiser and Korydon H. Smith (McGraw Hill, 2011), 21.7.  
<sup>78</sup> DeHanas dan Pieri, "Olympic Proportions," 805-806.



reka bentuk yang telus tanpa ada apa-apa kekangan, sempadan atau pembahagian, fasad yang terbuka dan menerima, struktur yang jelas fungsinya serta aksesibiliti yang mudah difahami kepada masyarakat setempat untuk memanfaatkan sesebuah bangunan, lebih-lebih lagi bangunan institusi pendidikan. Malah, fasad merupakan elemen utama seni bina dalam mempamerkan nilai keterbukaan jika dibandingkan dengan elemen seni bina yang lain. Hal ini demikian kerana elemen fasad merupakan elemen seni bina yang didefinisi sebagai sampul luaran bangunan di mana artikulasinya mempamerkan nilai dan strukturnya tersendiri kerana mencerminkan gambaran binaan yang berguna, berfungsi, berdaya penarik serta berupaya memberikan pengalaman yang pelbagai kepada pengguna, sekali gus turut berperanan sebagai titik perhubungan antara ruangan dalaman dan luaran.<sup>79</sup> Rajah 9 menunjukkan binaan fasad institusi pendidikan yang mengaplikasi aspek keterbukaan melalui reka bentuk koridor terbuka yang mewujudkan peluang pergerakan daripada luar ke dalam bangunan tanpa halangan kepada pengguna.

### **Rajah 9: Reka Bentuk Fasad Madrasa Pasha Sultan Suleyman<sup>80</sup>**



Definisi sejagat sememangnya merangkumi keseluruhan kehidupan yang melibatkan perhubungan antara manusia dengan manusia dalam sesebuah persekitaran dengan pendedahan galakan dan batasan praktik pembangunan insan Islam yang universal melalui sifat ihsan dalam peradaban. Seiringan dengan pendedahan beramal makruf yang menjurus kepada aspek ketelusan, di mana menurut Kamus Dewan Edisi Keempat kata asalnya adalah telus bermaksud keadaan atau sifat yang terus terang di mana tiada hal tersembunyi, tiada kesangsian dan tiada keraguan. Hal ini seterusnya menyaksikan perkaitan ketelusan ini merupakan sebuah budaya yang mengandungi set nilai yang harus dipraktikkan kerana mempunyai standard pengetahuan, moral, undang-undang serta tingkah laku mengikut kesesuaian yang seterusnya mempengaruhi imej serta prestasi sesebuah pihak.<sup>81</sup> Maka, dasar aspek nilai ketelusan melibatkan perkembangan interaksi psikososial dan komunikasi refleksi sendiri oleh individu demi menumpukan pembentukan perhubungan yang harmoni antara manusia dengan manusia dalam sesebuah persekitaran termasuklah persekitaran binaan institusi pendidikan.<sup>82</sup>

Nilai ketelusan dapat dikenalpasti melalui perancangan reka bentuk bukaan yang berfungsi misalnya halaman terbuka yang besar dan lapang untuk meningkatkan keberkesanan kepenggunaan ruangan untuk aktiviti pembelajaran.<sup>83</sup> Seiringan dengan kriteria ini, reka bentuk sisi binaan luaran yang terbuka turut merupakan salah satu komponen bertujuan untuk menarik masyarakat setempat di samping mendedahkan suasana alam bina yang selesa dengan ruang bukaan besar beserta pengcahayaan alami sekali gus menepati kriteria 'sense of welcoming'.<sup>84</sup> Tambahan pula, perancangan konfigurasi reka bentuk ruang dengan hala tuju serta petunjuk fungsi ruang yang jelas turut menjadi sebahagian aspek ketelusan kerana meningkatkan aksesibiliti kepenggunaan ruang demi menampung kelangsungan aktiviti pembelajaran dan juga hal ehwal kemasyarakatan tanpa halangan.<sup>85</sup> Rajah 10 memaparkan pelan binaan institusi pendidikan yang mengintegrasikan reka bentuk halaman yang lapang sebagai pusat binaan dalam mewujudkan 'sense of welcoming' sekali gus mewujudkan hala tuju yang jelas dengan

<sup>79</sup> Amir Hossein Askari dan Kamariah Dola, "Influence of Building Façade Visual Elements on Its Historical Image: Case of Kuala Lumpur City, Malaysia," *Journal of Design and Built Environment* 5 (2009): 50.

<sup>80</sup> Aziz, "Nilai Kemasyarakatan di Dalam Reka bentuk Madrasah Islam Reformis," 60.

<sup>81</sup> H. Muhammad Arifin, "The Influence of Competence, Motivation, and Organisational Culture to High School Teacher Job Satisfaction and Performance," *International Education Studies* 8, no. 1 (2015): 39.

<sup>82</sup> Bushrah Basiron et al., "Persepsi Mahasiswa terhadap Dasar Pengasingan Penginapan Mengikut Gender: Kajian Perbandingan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor dan Universiti Malaya, Kuala Lumpur," Laporan kajian, (Universiti Teknologi Malaysia, 2006), 25-26.


<sup>83</sup> Aziz, "Nilai Kemasyarakatan di Dalam Reka bentuk Madrasah Islam Reformis," 59.

<sup>84</sup> Gülru Necipoğlu, *The Age of Sinan: Architectural Culture in the Ottoman Empire* (Reaktion Books, 2005), 102.

<sup>85</sup> Doğan Kuban, *Ottoman Architecture* (Antique Collectors' Club, 2010), 178.

*Elemen Seni Bina dan Unsur Reka Bentuk Bangunan dalam Perkembangan Institusi Pendidikan Islam* menonjolkan konfigurasi dan sirkulasi ruang yang terbuka tanpa halangan bagi pengguna untuk mengamati binaan terbabit.

**Rajah 10: Pelan Ruangan Dalam Madrasa Pasha Sultan Suleyman, Istanbul, Turki<sup>86</sup>**



Atribut nilai pendidikan sejagat seterusnya bersangkut paut dengan aspek kesusilaan. Aspek ini lebih bertumpu kepada tanggungjawab seseorang individu kepada individu yang lain untuk sentiasa menghormati nilai-nilai kemanusiaan berteraskan prinsip toleransi dan penerimaan terbuka dalam membina komuniti yang bersatu-padu sekali gus mengangkat definisi pendidikan Islam yang sebenar.<sup>87</sup> Merujuk Kamus Dewan dan Bahasa, istilah kesusilaan bermakna peraturan sosial umum yang menggalakkan individu untuk bersopan santun dan beradab. Seterusnya nilai sejagat menerusi aspek kesusilaan diterjemah melalui elemen seni bina dan reka bentuk menerusi perletakan binaan serta perancangan hirarki dan fungsi ruangan yang menghubungkan masyarakat sekeliling memasuki bangunan pendidikan terbabit dengan rasa selamat dan terbuka.<sup>88</sup> Lokasi dan perletakan binaan institusi pendidikan haruslah direka bentuk dalam lingkungan jarak pejalan kaki dengan tempat tinggal masyarakat setempat demi membina rangkaian sosial yang berdaya mewujudkan kepercayaan dan penerimaan masyarakat sekali gus meningkatkan pencegahan terhadap jenayah serta merangsang pembangunan pendidikan dan ekonomi.<sup>89</sup>

Lantaran itu, perletakan institusi pendidikan Islam bukan sahaja berperanan mewujudkan persekitaran alam bina yang responsif kepada perkembangan sendiri para pelajar, malah turut berperanan mendorong perkembangan nilai-nilai moral kepada masyarakat tempatan.<sup>90</sup> Maka, perancangan reka bentuk sesebuah binaan institusi pendidikan yang mengambil kira kesesuaian lokasi, memudahkan masyarakat mengiktiraf bangunan terbabit sebagai salah sebuah mercu tanda dan simbol identiti kemasyarakatan.<sup>91</sup> Di samping itu, aspek kesusilaan melalui terjemahan reka bentuk ruangan pula dapat dikenalpasti melalui susun atur ruang yang mengikut turutan dan tidak bersifat eksklusif, yakni bertujuan mewujudkan suasana pembelajaran institusi pendidikan Islam yang menyeluruh dan mudah diakses oleh pengguna.<sup>92</sup> Bahkan, Radziah Hashim (1995) berpendapat bahawa susun atur ruang mengikut turutan fungsi mampu mengelakkan sifat membazir apabila ditekankan kepentingan hirarki ruang menepati fungsi sepenuhnya semasa proses perancangan awal reka bentuk. Rajah 11 mengandungi rumusan analisis perkaitan antara definisi istilah dan atribut nilai sejagat dengan elemen seni bina dan perancangan reka bentuk institusi pendidikan Islam.

<sup>86</sup> Aziz, "Nilai Kemasyarakatan di Dalam Reka bentuk Madrasah Islam Reformis," 60.

<sup>87</sup> Muhammad Junaedi, Fajar Muharram dan Muhammad Yani, "Negara Pancasila Sebagai Darul Ahdi Wa Syahadah: Internalisasi Nilai-nilai Islam dalam Membangun Wawasan Kebangsaan di Lingkungan Perguruan Tinggi Muhammadiyah," *Jurnal Pancasila dan Kewarganegaraan* 6, no. 1 (2021): 12-13.

<sup>88</sup> Aziz, "Nilai Kemasyarakatan di Dalam Reka bentuk Madrasah Islam Reformis," 60-61.

<sup>89</sup> Kevin M. Leyden, "Social Capital and the Built Environment: The Importance of Walkable Neighborhoods," *American Journal of Public Health* 93, no.9 (2003): 1546.


<sup>90</sup> Hamid Hamid, "Pengelolaan Pendidikan Nilai-Nilai Moral Pada Anak (Studi Kasus di Madrasah Ibtidaiyah Negeri Madukara)," Masters diss., (Universitas Muhammadiyah Surakarta, 2012), 3-5.

<sup>91</sup> Krier, *The Architecture of Community*, 131-200.

<sup>92</sup> Aziz, "Nilai Kemasyarakatan di Dalam Reka bentuk Madrasah Islam Reformis," 55-56.



**Rajah 11: Nilai Sejagat Melalui Seni Bina dan Reka Bentuk Bangunan**



## Perbincangan

Berdasarkan dapatan perbincangan dalam subtopik sebelumnya, elemen seni bina dan unsur reka bentuk sememangnya berpotensi memaparkan falsafah nilai pendidikan Islam kepada komuniti, lebih-lebih lagi institusi pendidikan Islam yang perkembangannya sentiasa melibatkan pembangunan pendidikan masyarakat. Hal ini seterusnya bersangkut paut dengan peredaran zaman menyaksikan perkembangan institusi pendidikan Islam yang menyahut proses transformasi ummah dalam era kemodenan. Oleh itu, sesetengah reka bentuk institusi pendidikan Islam melalui proses kompromi nilai-nilai ini di mana institusi yang asalnya menyasarkan komuniti setempat mulai menerima komuniti daripada seantero dunia. Maka bagi kajian ini, perbandingan proses kompromi ini dilaksanakan ke atas Madrasah Ben Youssef sebagai salah sebuah institusi pendidikan Islam tradisional<sup>93</sup> dan kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang merupakan institusi pendidikan Islam kontemporari<sup>94</sup> yang telah dirumuskan dalam Rajah 12.

<sup>93</sup> Alberto Martinez Garcia dan Hector Rivera Bajo, "Madrasa Ben Youssef," *Hidden Architecture*, diakses Februari 20, 2025, <http://hiddenarchitecture.net/ben-youssef-madrasa/>

<sup>94</sup> International Islamic University Malaysia (IIUM), "Academics," *Portal Rasmi International Islamic University Malaysia: Garden of Knowledge and Virtue*, diakses Februari 20, 2025, <https://www.iium.edu.my/v2/academics/>

**Rajah 12: Rumusan Analisis Perbandingan Institusi Pendidikan Islam**


Madrasah Ben Youssef	Deskripsi	University Islam Antarabangsa Malaysia (IUM)	
Marrakesh, Maghribi	Lokasi	Gombak, Malaysia	
1564	Tahun siap dibina	1983	
Pengajian Al-Quran	Pengajian/Program yang ditawarkan	Undang-undang, Kejuruteraan, Perubahan, Sains, Pendidikan, Pengurusan Ekonomi, Seni Bina, Teknologi Informasi dan Komunikasi, Pengajian Islam dan Sains Sosial	
Elemen Seni Bina	Unsur reka bentuk syumul	Elemen Seni Bina	
 <p>Perspektif dalam bahagian halaman madrasah yang bertindak sebagai pusat binaan.</p>	<input checked="" type="checkbox"/> Dibina dalam lingkungan masyarakat <input checked="" type="checkbox"/> Penggunaan bahan dan teknologi tempatan <input checked="" type="checkbox"/> Keperluan iklim <input checked="" type="checkbox"/> Aksesibiliti terbuka <input checked="" type="checkbox"/> Mengintegrasikan seni bina beridentiti budaya tempatan	 <p>Perspektif luaran kampus universiti yang memaparkan elemen gaya seni bina dan tona yang harmoni.</p>	
	Unsur reka bentuk kamil		<input checked="" type="checkbox"/> Merangsang pertumbuhan fitrah manusia/pengguna <input checked="" type="checkbox"/> Tiada had kepenggunaan program utama binaan <input checked="" type="checkbox"/> Tidak mendominasi alam <input checked="" type="checkbox"/> Keberkesanan pergerakan dan kepenggunaan ruangan <input checked="" type="checkbox"/> Menitikberatkan skala manusia dan alam sekeliling <input checked="" type="checkbox"/> Berkeadaan ringkas
	Unsur reka bentuk adil		<input checked="" type="checkbox"/> Melindungi hak privasi individu/pengguna <input checked="" type="checkbox"/> Mengutamakan keselamatan dan ketenteraman persekitaran <input checked="" type="checkbox"/> Mengambil kira intipati konteks komuniti tempatan <input checked="" type="checkbox"/> Membentuk aktiviti sosial yang terkawal <input checked="" type="checkbox"/> Memastikan mobiliti maksimum kepada pengguna <input checked="" type="checkbox"/> Ruangan khas interaksi sosial
	Unsur reka bentuk sejagat		<input checked="" type="checkbox"/> Mengalau-alukan pengguna ke dalam bangunan <input checked="" type="checkbox"/> Aksesibiliti yang mudah difahami <input checked="" type="checkbox"/> Berdaya menarik dan memberikan pengalaman yang pelbagai <input checked="" type="checkbox"/> Halaman terbuka dan lapang beserta pencecahayaan semula jadi <input checked="" type="checkbox"/> Fungsi ruang yang selamat untuk menghubungkan masyarakat <input checked="" type="checkbox"/> Membina rangkaian sosial demi kepercayaan dan keselamatan <input checked="" type="checkbox"/> Ruangan yang tidak bersifat eksklusif dan mudah diakses
	 <p>Pelan binaan yang memaparkan elemen keteraturan dan ketertiban menyertakan hirarki susun atur ruang yang jelas.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Reka bentuk yang lebih berfokus sekali gus meningkatkan keberkesanan penggunaan ruangan.</li> <li>Setiap ruangan pembelajaran direka dengan halaman terbuka sebagai pendekatan mengintegrasikan alam dengan binaan.</li> <li>Aksesibiliti ke ruangan madrasah terkawal dengan penyediaan satu pintu masuk sekali gus mewujudkan pendekatan keselamatan dan privasi bagi para pelajar.</li> <li>Konfigurasi ruangan pintu masuk ke halaman utama mewujudkan 'sense of welcoming' di mana pengguna disediakan dengan perincian seni bina yang indah apabila memasuki ruangan madrasah.</li> <li>Sirkulasi ruang yang telus memastikan hala tuju dalam binaan yang jelas sekali gus meningkatkan mobiliti yang maksimum kepada pengguna ruangan.</li> </ol>  <p>Perspektif dalam terhadap halaman terbuka kecil yang direka dalam setiap petak ruangan pembelajaran.</p>		 <p>Pelan binaan yang memaparkan perancangan ruangan yang kompleks dan besar yang terdiri daripada pelbagai program bangunan.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Reka bentuk masjid bertindak sebagai pusat kompleks kampus yang bertindak sebagai mercu tanda sekali gus meningkatkan kefahaman hala tuju kepada pengguna.</li> <li>Aksesibiliti dan susun atur ruangan bergantung kepada binaan bangunan mewujudkan elemen pengasingan mengikut program tertentu maka keberkesanan penggunaan ruangan mengikut aturan masa dan keperluan keberadaan pengguna sendiri.</li> <li>Pengezonan ruangan yang pelbagai hasil daripada pelbagai program binaan mewujudkan elemen eksklusif dan khas bergantung kepada tingkatan kumpulan pengguna.</li> </ol>  <p>Perspektif mata burung terhadap kampus IUM yang memaparkan keluasan tapak binaan yang kompleks dan besar.</p>

**Kesimpulan**

Tuntasnya, falsafah nilai pendidikan Islam berpotensi ditonjolkan melalui elemen seni bina dan unsur reka bentuk bangunan institusi pendidikan Islam sebagai cerminan keseluruhan imej pendidikan Islam. Konteks persekitaran alam bina yang terdiri daripada aspek fizikal mahupun bukan fizikal berkemampuan menyerlahkan falsafah nilai pendidikan Islam secara menyeluruh di samping memenuhi keperluan membentuk konteks sosial fizikal dan mewujudkan pengalaman alam bina yang efektif kepada para pelajar. Tambahan pula, nilai-nilai yang ditonjolkan melalui elemen seni bina institusi pendidikan Islam berpotensi sebagai medium yang jelas dan ketara untuk mendedahkan asbab sesebuah keputusan reka bentuk adalah demi pembangunan komuniti pengguna yang dihimpunkan dalam Rajah 13. Hal ini sejajar dengan pernyataan oleh Eco Umberto (1997) yang menyatakan manusia kebiasaannya akan mempunyai sebuah pengalaman terhadap seni bina sebagai sebuah medium komunikasi di samping turut berupaya mengenalpasti fungsi sesebuah binaan dan ruangan. Maka pengaruh falsafah nilai pendidikan Islam terhadap perancangan seni bina dan reka bentuk sesebuah institusi pendidikan Islam bukan sahaja berpotensi mewujudkan binaan serta ruangan yang mesra manusia, malah turut menitikberatkan tuntutan asas kelangsungan perihal pembelajaran kepada pengguna terutamanya para pelajar secara menyeluruh. Hal ini demikian kerana intipati falsafah nilai terbabit sememangnya merangkumi segenap perihal perkembangan kelangsungan kehidupan manusia ke tahap yang lebih baik sepertimana matlamat dan objektif seni bina yang bertujuan memanfaatkan manusia. Oleh itu, seni bina dilihat mampu berkomunikasi dan difahami sebagai suatu simbol atau medium yang mengandungi maksud tersurat dan tersirat dalam menyampaikan makna dan mesej demi menghasilkan alam bina yang responsif. Susulan hasil teori kajian ini, kajian empirikal untuk menguji persepsi pelajar terhadap nilai

pendidikan Islam mempengaruhi elemen seni bina berpotensi sebagai cadangan kajian lanjutan. Akhirnya, falsafah nilai pendidikan Islam berpotensi membentuk seni bina institusi pendidikan Islam yang beridentiti menyeluruh berpaksikan atribut nilai syumul, kamil, adil dan sejagat.

**Rajah 13: Rumusan Asbab Keputusan Reka Bentuk Institusi Pendidikan Islam yang Berintipati Nilai-nilai Pendidikan Islam**



## **Rujukan**

Abas, Ismail, "Analisis Kemahiran Berfikir dalam Pendidikan Islam." *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 24 (2023): 53-63.

Achmadi. *Ideologi Pendidikan Islam: Paradigma Humanisme Teosentris*. Pustaka Pelajar, 2008.

Ahmad, Zawawi. "Pendidikan Islam: Ditinjau daripada Sudut Prinsip, Konsep dan Matlamatnya," In *Pendidikan Islam: Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*, edited by Abd. Halim El-Muhammady. Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1994.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam dan Filsafat Sains*. Mizan, 1995.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *The Concept of Education in Islam: A Framework for An Islamic Philosophy of Education*. International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC), 1999.

Al-Farabi, Mohammad, "Profil Insan Kamil dalam Perspektif Pendidikan Islam." *Islamiyah: Journal of Islamic Social Sciences* 2, no. 1 (2022): 1-15.

Alam, Lukis, "Internalisasi Nilai-Nilai Pendidikan Islam dalam Perguruan Tinggi Umum melalui Lembaga Dakwah Kampus." *Jurnal Pendidikan Islam*, no. 2 (2016): 101-120.

Alexander, Christopher. *A Pattern Language: Towns, Buildings & Constructions*. Oxford University Press, 1977.

Ardalan, Nader dan Bakhtiar, Laleh. *The Sense of Unity: The Sufi Tradition in Persian Architecture*. The University of Chicago Press, 1973.

Arifin, H. Muhammad, "The Influence of Competence, Motivation, and Organisational Culture to High School Teacher Job Satisfaction and Performance," *International Education Studies* 8, no. 1 (2015): 38-45.

Ariffin, Rizal dan Ismail, Hairul Nizam, "Konsep Keadilan dalam Teori Kecerdasan Pelbagai Menurut Perspektif Islam," *Jurnal Pendidikan Psikologi* 7, no. 2 (2007): 66-73.

Askari, Amir Hossein dan Dola, Kamariah, "Influence of Building Façade Visual Elements on Its Historical Image: Case of Kuala Lumpur City, Malaysia," *Journal of Design and Built Environment*, Vol. 5 (2009): 49-59.

Aziz, Nurul Syaheera. "Nilai Kemasyarakatan di Dalam Reka bentuk Madrasah Islam Reformis di Terengganu dan Kelantan, Malaysia," Masters diss. Universiti Teknologi Malaysia, 2017.

Baharudin, Nurul 'Athiqah dan Ismail, Alice Sabrina, "Communal Mosques: Design Functionality towards the Development of Sustainability for Community," *Procedia: Social and Behavioral Sciences*, no. 153 (2014): 106-120.

Balaram, Singanapalli. "Chapter 3: Universal Design and the Majority World." In *Universal Design Handbook*, 2nd ed., edited by Wolfgang F.E. Preiser and Korydon H. Smith. McGraw Hill, 2011.

Barsihannor, M. Ilham, Andi Tri Saputra dan Abdul Syatar, "Abdullah Saeed's Construction of the Hierarchy of Values in the Qur'ān: A Philosophical Hermeneutic Perspective." *Journal of Islamic Thought and Civilization* 13, no. 1 (2023): 119-132.

Basiron, Bushrah, Mustari, Mohd. Ismail, Marni, Nurazmallail, Muhammad, Azhar, Ahmad, Selmah dan Mohd Nor, Sulaiman Shakib. "Persepsi Mahasiswa terhadap Dasar Pengasingan Penginapan mengikut Gender: Kajian Perbandingan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor dan Universiti Malaya, Kuala Lumpur," Research report. Universiti Teknologi Malaysia, 2006.

Che Noh, Moch. Aderi, Suhid, Asmawati dan Abdul Rahim, Zamri, "Pelaksanaan Transformasi Pendidikan Islam dalam Mendepani Globalisasi." Dalam *International Seminar on Islamic Education (ISIE 2018)* 2. Ponorogo: Universitas Muhammadiyah Ponorogo, 2018.

Coleman, Roger. "Chapter 21: Designing Inclusive Experiences," In *Universal Design Handbook*, 2nd ed., edited by Wolfgang F.E. Preiser and Korydon H. Smith. McGraw Hill, 2011.

Crossland, Zoe, "Signs of Mission: Material Semiosis and Nineteenth-Century Tswana Architecture," *Signs and Society*, no.1 (2011): 79-113.

DeHanas, Daniel Nilsson dan Pieri, Zacharias, "Olympic Proportions: The Expanding Scalar Politics of the London 'Olympics Mega-Mosque' Controversy," *SAGE Journal* 45, no, 5 (2011): 798-814.

Dzaky, Ahmad, Sabda, Syaifuddin dan Barni, Mahyuddin, "The Concept of Education in the Family of the Tabligh Congregation." *International Research Journal of Management, IT & Social Sciences* 8, no. 5 (2021): 446-453.

Garcia, Alberto Martinez dan Bajo, Hector Rivera. "Madrasa Ben Youssef," *Hidden Architecture*, diakses Februari 20, 2025, <http://hiddenarchitecture.net/ben-youssef-madrasa/>

Gottdiener, Maurier. *Post Modern Semiotics: Material Culture and The Forms Of Post Modern Life*. Blackwell Publishers, 1995.

Hafsa, Ramzi dan Maysaa, Mofeq. "Structure as a Tool of Achieving Human Scale in the Islamic Architecture." In *International Conference on Transport, Civil, Architecture and Environment Engineering (ICTCAEE 2012)*. Dubai: 2012.

Hamid, Hamid. "Pengelolaan Pendidikan Nilai-Nilai Moral Pada Anak (Studi Kasus di Madrasah Ibtidaiyah Negeri Madukara)." Dis. Sarjana. Universitas Muhammadiyah Surakarta, 2012.

Harimulyo, Muhammad Syamsi, Prasetya, Benny, dan Muhammad, Devy Habibi, "Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Kitab Risalatul Mu'awanah Dan Relevansinya." *Jurnal Penelitian IPTEKS* 6, No. 1 (2021): 72-89.

Hashim, Radziah. *Senibina: Bentuk, Ruang dan Tertib Susun Atur*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

Hillier, Bill dan Hanson, Julienne. *The Social Logic of Space*. Cambridge University Press, 2006.

Ibrahim, Ahmad Zaki, "Penerapan Nilai Keadilan dalam Bidang-Bidang Utama Kehidupan Masyarakat Bertamadun: Analisis Mengikut Perspektif Al-Quran." *Jurnal Usuluddin* 19, no. 5 (2004): 61-92.

International Islamic University Malaysia (IIUM). "Academics," *Portal Rasmi International Islamic University Malaysia: Garden of Knowledge and Virtue*, diakses Februari 20, 2025, <https://www.iium.edu.my/v2/academics/>.

Islam, Arshad and Al-Iwani, Ruqaiya Taha, "Norms of Rise and Fall of Civilizations in the Qur'an: Beneficial Knowledge and Justice as a Model," *Al-Shajarah: Journal of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 28, no. 1 (2023): 27-49.

Ismail, Alice Sabrina. "The Influence of Islamic Political Ideas On The Design Of State Mosque In Peninsular West Malaysia." PhD diss. University of Queensland Technology, 2008.

Jiven, Gunila dan Larkham, Peter J., "Sense of Place, Authenticity and Character: A Commentary." *Journal of Urban Design* 8, no. 1 (2003): 67-81.

Junaedi, Muhammad, Muharram, Fajar dan Yani, Muhammad, "Negara Pancasila Sebagai Darul Ahdi Wa Syahadah: Internalisasi Nilai-nilai Islam dalam Membangun Wawasan Kebangsaan di Lingkungan Perguruan Tinggi Muhammadiyah." *Jurnal Pancasila dan Kewarganegaraan* 6, no. 1 (2021): 11-24.

*Elemen Seni Bina dan Unsur Reka Bentuk Bangunan dalam Perkembangan Institusi Pendidikan Islam*  
Krier, Leon. *The Architecture of Community*. Island Press, 2009.

Kuban, Doğan. *Ottoman Architecture*. Antique Collectors' Club, 2010.

Leyden, Kevin M., "Social Capital and the Built Environment: The Importance of Walkable Neighborhoods." *American Journal of Public Health* 93, no.9 (2003): 1546-1551.

Md Nor, Nor Ashikin dan Noor Muhammad, Salmah Jan, "Bustan al-Salatin Panduan kepada Pemerintahan Islam yang Adil oleh Golongan Pembantu Raja." *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa* 26 (2017): 51-75.

Meliantina, Rana. "Pendidikan Islam dalam Membentuk Insan Kamil: Analisis Pemikiran Ahmad Tafsir." Dis. Sarjana. Universitas Islam Negeri Fatmawati Sukarno Bengkulu, 2022.

Muchtar, M. Ilham dan Asniati, "Nilai-Nilai Pendidikan Islam dalam Budaya Pernikahan Masyarakat Kajang Bulukumba." *Educandum*, Vol.6, no. 1 (2020): 153-165.

Necipoglu, Gülru. *The Age of Sinan: Architectural Culture in the Ottoman Empire*. Reaktion Books, 2005.

Nik Aziz, Nik Pa. *Pelajar Pintas Cergas*. Institut Ilmu-Ilmu Islam, 1988.

Payandeh, Mehresa, Hariri, Azadeh dan Hakim, Negar, "Analyzing Spiritual Messages in the Geometric and Numeric Patterns of Sheikh Lotfollah Mosque Based on Islamic Cosmology," *Journal of Islamic Architecture* 8, no. 2 (2024): 295-305.

Plas, Jeanne M. dan Lewis, Susan E., "Environmental Factors and Sense of Community in a Planned Town." *American Journal of Community Psychology* 24, no. 1 (1996): 109-143.

Rahim, Abdan, "Peran Wakaf dalam Pengembangan Pendidikan Islam." *Al-Qalam: Jurnal Ilmiah Keagamaan dan Kemasyarakatan* 13, no. 1 (2019): 89-102.

Rahman, Fazlur. *Major Themes of the Qur'an*. 2nd ed. University of Chicago Press, 2009.

Rakhmat, Aulia, "Religion and Reason in Contemporary Islamic Ethics: A Comparative Study of Syed Muhammad Naquib al-Attas and Taha Abderrahmane Thought." *Journal of Islamic Thought and Civilization* 13, no. 2 (2023): 134–151.

Ramli, Abdul Halim. "Nilai Sejahtera dalam Islam, Agama Timur Pupuk Perpaduan." *Berita Harian Online*, April 20, 2019, <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/04/555267/nilai-sejahtera-dalam-islam-agama-timur-pupuk-perpaduan>

Rasdi, Mohd. Tajuddin. *The Mosque as a Community Development Centre: Programme and Architectural Design Guidelines for Contemporary Muslim Societies*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1998.

Rasdi, Mohd. Tajuddin dan Utaberta, Nangkula, "The Design of Mosque as Community Development Centers from the Perspective of Sunna and Wright's Organic Architecture." *Journal of Islamic Architecture*, no. 1 (2010): 1-7.

Ruhullah, Mohammad Eisa dan Ushama, Thameem, "Tawhidic Leadership in the Modern World: Bridging Islamic Governance with Universal Values for Peace and Integrity." *Al-Shajarah: Journal of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 29, no. 2 (2024): 329-364.

Ryzova, Lucie. *The Age of the Efendiyya: Passages to Modernity in National-Colonial Egypt*. Oxford University Press, 2014.

Saari, Nor Hartini. "Pendidikan Sempurna Penting untuk Pembangunan Negara," *Institut Kefahaman Islam Malaysia*, accessed February 1, 2025, <https://www.ikim.gov.my/index.php/2007/08/24/pendidikan-sempurna-penting-untuk-pembangunan-negara/>

Schmidt, Lawrence K. *Understanding Hermeneutics*. Routledge, 2014.

Stapa, Zakaria, "Insan Kamil: Ciri dan Proses Pembentukan." *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 2, no. 1 (2001): 43–60.

Suhid, Asmawati dan Fakhruddin, Fathiyah M., "Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran." *Journal of Islamic and Arabic Education* 4, no. 2 (2012): 57-70.

Syakhrani, Abdul Wahab, "Memperkuat Eksistensi Pendidikan Islam Di Era 4.0." *CBJIS: Cross-Border Journal of Islami Studies*, no. 2 (2019): 57–69.

Torabi, Mahdi dan Jusan, Mahmud M., "Islamic Values and Their Influences on Architectural Design." Dalam 5th SEATUC Symposium, 1-3. Vietnam: Hanoi University of Science and Technology (HUST), 2011.

Tutar, Mustafa and Okten, Sadettin, "The Concept of Tawhid as The Spatial Understanding of Islamic Cities," *Journal of Islamic Studies* 53 (2025): 7-28.

Umberto, Eco. *A Theory of Semiotics*. Indiana University Press, 1997.

Yusof, Ab. Aziz. *Pengurusan Pendidikan Islam: Mekanisme Transformasi Ummah*, 2nd ed. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.

Yusof, Ab. Aziz, "Kerangka Konseptual Keadilan Islam dalam Pelaksanaan Penilaian Prestasi." *International Journal of Management Studies* 21, no. 2 (2014): 83-110.

Yin, Robert K. *Case Study Research and Applications: Design and Methods*. 4th ed. SAGE Publications, 2009.

Zarkasyi, Hamid Fahmy. *Tantangan Sekularisasi dan Liberalisasi di Dunia Islam*. Penerbit Khairul Bayan, 2004.

Zharani, Erna Nuralia. "Reka Bentuk Mukaan Bangunan Awam Ke Arah Pembentukan Seni Bina Bercirikan Identiti Kebangsaan Malaysia." Dis. Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, 2019.